

IDEALOGI ERA PLURALIS DALAM PENGHASILAN KARYA SENI CETAKAN: PAMERAN CETAKAN ALTERNATIF KETUMBUKAN 2010

The Ideology of Era Pluralist in The Production Artwork: Ketubukan Alternative Printmaking Exhibition 2010

*Mohd Fawazie bin Arshad¹, Mohamed Khizal Saat², Noor Enfendi Bin Desa³

^{1,3}Jabatan Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

²Jabatan Seni Halus, Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA

To cite this article (APA): Arshad, M. F., Saat, M. K., & Desa, N. E. (2022). The Ideology of Era Pluralist in The Production Artwork: Ketubukan Alternative Printmaking Exhibition 2010. *KUPAS SENI*, 10(2), 57–67. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.7.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.7.2022>

ABSTRAK

Ideologi era pluralis 1990an dalam perkembangan seni cetakan Malaysia telah membawa kepada satu dimensi baharu dalam penghasilan karya seni kontemporari. Sebelum penularan ideologi era pluralis, seni cetak di Malaysia hanya berpaksikan kepada kaedah konvensional yang diterapkan oleh pendatang dari cina ke Tanah Melayu ketika itu. Dengan penularan ideologi era pluralis ini telah mengakibatkan kepelbagaiannya dalam penghasilan karya seni cetakan di mana karya seni cetakan boleh wujud melalui bahan-bahan kegunaan sehari-hari. Secara tidak langsung ideologi era pluralis ini telah menampakkan penghujung bagi sejarah seni yang lebih mementingkan kepada nilai estetik dan terbatas kepada persoalan peribadi. Kewujudan istilah *anything goes* telah merancakkan lagi penghasilan karya seni cetakan yang sebelum ini terikat dengan peraturan yang ketat dalam penghasilan. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kajian sejarah seni melalui tinjauan terhadap pameran seni cetakan Alternatif ketumbukan 2010 yang memfokuskan kepada karya Samsudin Wahab, Mansor Ibrahim, Dr Chew Teng Beng, Ishak Ramli, Noraza Arzain dan Samsu Muhamad dan akan dikupas dengan menggunakan teori ‘Style’ oleh Miyer Shapiro. Hasil daripada kupasan pameran ini diharapkan dapat dijadikan sebagai satu panduan bagi mengupas tentang hubungan diantara bahan kegunaan harian dengan karya seni cetak dalam mengklafikasikan seni cetak selepas konvensyen 1960 dan ideologi era pluralis dalam penghasilan karya cetakan kontemporari masa kini.

Kata kunci: Ideologi, Seni Cetakan, Era Pluralis, Konvensional, Kontemporari

ABSTRACT

The ideology of the era pluralist of the 1990s in the development of Malaysian printmakers has led to a new dimension in the production of contemporary artwork. Before the ideology of the era pluralist, printmaking in Malaysia only focused on conventional methods applied by immigrants from China to Malaysia at that time. The spread of the ideology of the era pluralist has resulted in diversity in the production of printmaking artworks where printed artworks can exist through everyday materials. Indirectly, the ideology of this era pluralist has shown the end of art history that is more concerned with aesthetic value and limited to personal questions. The existence of the term anything goes has boosted the production of printed artwork that was previously strained by strict rules in production. This study was carried out using art history research methods through a survey of the Alternative Printmaking Art Exhibition 2010 focusing on the works of Samsudin Wahab, Mansor Ibrahim, Dr Chew Teng Beng, Ishak Ramli, Noraza Arzain and Samsu Muhamad and will be analyzed using the theory

of Style by Meyer Shapiro. The result of this exhibition review is expected to be used as a guide to discuss the relationship between daily use materials and printed artworks in classifying print art after the 1960 convention and the ideology of the pluralist era in the production of contemporary printed works.

Keywords: Ideology, Print, Era Pluralist, Conventional, Contemporary

PENGENALAN

Seni cetak merupakan salah satu cabang dalam seni lukis yang dihasilkan melalui proses pemindahan imej dari satu permukaan ke atas permukaan lain (Aurora Arazzi, 2021). Selain itu cetakan juga dapat menghasilkan edisi dalam kuantiti yang banyak selagi mempunyai blok. Bagi mewujudkan perbezaan sebuah karya seni cetak dengan cetakan yang bersifat reproduksi, ianya mestilah dalam bentuk edisi yang terhad bagi menjaga kualiti karya tersebut. Menurut S.W Hayter (1966) dan Juhari Said (2021), antara cetakan terawal di dunia yang telah direkodkan kewujudannya adalah sejak zaman Mesopotamia lagi yang mana dipelopori oleh kaum Sumerian sekitar 3000 sebelum masih dengan penemuan beberapa artifik yang berbentuk cetakan secara tiga dimensi. Kenyataan ini telah disokong oleh ‘*The Schøyen Collection – Manuscripts from around the world Spanning 500 years of human culture & civilisation*’ yang berpengkalan di Jerman dengan menyimpan beberapa artifik yang dihasilkan melalui pindahan imej seperti salinan kulit siput ke atas tanah liat dan ‘*Brick from The Towel of Babel*’ yang dianggarkan penghasilannya sekitar 604 – 562 BC. Selepas itu cetakan telah berkembang keseluruhan dunia sebagai sebuah alat perhubungan komunikasi yang boleh disalin dalam kuantiti yang banyak. Seperti apa yang dilakukan oleh gereja-gereja ketika itu yang menjadikan cetakan sebagai alat dalam menyebarkan ajaran-ajaran mereka kepada penduduk setempat disebabkan oleh penghasilan edisi. Manakala penghasilan cetakan yang diiktiraf sebagai sebuah karya seni yang mempunyai suntikan nilai astetik menurut Mohd Jamil Mat Isa (2008) hanya berlaku sekitar abad ke 18 di mana terdapat beberapa syarat tertentu bagi memastikan sesebuah cetakan itu diangkat sebagai sebuah karya seni. Kenyataan ini disokong oleh pengkaji seni cetak dari Indonesia iaitu Amirudin T.H. Siregar (2011) dalam penulisannya ‘Kertas dalam Seni Rupa Moden’. Paling penting dalam menentukan sesebuah karya itu dianggap sebuah karya seni cetak yang terletak dalam sebuah karya seni adalah pada konvensyen ‘*The congress of Plastic Arts of Vienna*’ pada 1960. Hasil dari konvensyen ini, badan-badan berautoriti seperti ‘*The print Council of America*’ dan ‘*The french National Committee*’ telah bersetuju dengan peraturan-peraturan yang telah dibentangkan bagi membezakan diantara cetakan secara reproduksi dan karya seni cetak bagi mengangkat karya seni cetak setanding dengan karya catan dan arca.

Di Malaysia perkembangan sejarah seni cetak wujud sekitar tahun 1900an hasil daripada penghijrahan orang Cina ke Malaysia pada ketika itu. Menurut Siti Melorinda Khuzaina Sakdudin (2018), penghijrahan orang cina ini telah memberi satu nafas baru kepada bidang pendidikan seni cetak di Tanah Melayu khususnya. Antara pelopor seni cetak di Malaysia pada ketika itu ialah Chuan Thean Teng yang mana telah mula menghasilkan seni cetak kayu ke atas permukaan kertas. Pada permulaannya, penghasilan karya beliau lebih kepada menggambarkan tentang portrait, keindahan dan juga kegiatan aktiviti masyarakat setempat seperti karya beliau bertajuk ‘*Potrait*’, ‘*Break Time*’ dan ‘*Go to Market*’. Ketiga-tiga karya ini telah menjadi titik tolak dalam perkembangan penghasilan karya seni cetak di Malaysia. Adzman Omar (2021) pula menyatakan bahawa seni cetak malaysia bermula dengan kewujudan dalam kehidupan seharian dengan menghasilkan kain batik dan kain sarung hasil daripada penggunaan cop atau blok dari ukiran kayu dan tembaga yang dijadikan motif untuk dipindahkan ke atas kain tersebut secara berulang-ulang.

Bertitik tolak daripada penularan seni cetak yang dibawa dari China ini setelah mengecapi kemerdekaan Tanah Melayu, kerajaan telah mengiktiraf seni sebagai salah satu bidang yang penting dalam pembangunan negara dan telah mula menawarkan biasiswa kepada seniman-seniman dalam negara untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara. Antara seniman terdahulu yang ditawarkan ialah Tay Hooi Keat ke *Camberwell Collage of Art London* 1948, Syed Ahmad Jamal melanjutkan pengajiannya ke *Chelsea School of Art London* dan Ismail Zain di *The Malayan Teachers Tranning Collage Kirby*, England pada 1950. Pada 1954 Ahmad Khalil Yusof telah mengikuti jejak langkah Ismail Zain melanjutkan pengajian *The Malayan Teachers Tranning Collage Kirby*, England. Nama-nama lain antara terawal mendapat biasiswa dan geran dalam melanjutkan pengajian dalam seni cetakan ialah Lee Joo Far 1957, Long Thien Shih 1960, Sulaiman Isa 1962, Chew Teng Beng, K.K

Law dan Kok Yew Puah 1966, Abdul Latiff Mohidin dan Lee Kian Seng, Ponirin Amin 1977, Ng Buan Cher 1978, Abdul Mansoor Ibrahim 1980 dan Bahaman Hashim 1985. Setelah kembalinya mereka dari menimba ilmu di luar negara, mereka telah menjadi tenaga pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi negara.

Pada era 1990-an merupakan sebuah era yang dikenali sebagai *postmodern* yakni sebuah era yang bergerak seiring dengan perkembangan ilmu dan teknologi berlandaskan kepada pengalaman yang telah mewujudkan sebuah ideologi pluralis. Dengan perkembangan ideologi pluralis ini, karya-karya yang dihasilkan ketika itu lebih beragam. Keberagaman yang dimaksudkan adalah merujuk kepada teknik dan media dalam penghasilan karya. Manakala dari segi tema dan persoalan yang dijadikan sandaran kepada penghasilan karya tidak lagi berkisarkan kepada persoalan peribadi tetapi lebih merujuk kepada persoalan sehari-hari. Ideologi pluralis ini telah menggunakan pendekatan aktiviti sehari-hari yang telah memberi satu kekeliruan dalam membezakan diantara karya seni dan juga barang-barang kegunaan harian manusia. Jika dilihat secara mendalam, penularan ideologi ini sedikit sebanyak telah mentenggelamkan sejarah seni rupa yang begitu sinonim dengan aturan-aturan yang harus dituruti dalam menghasilkan karya. Fahaman yang diterapkan dalam zaman *postmodern* ini ialah *anything goes* telah memberi satu kebebasan tanpa sempadan dalam menghasilkan karya yang merujuk kepada kebebasan penggunaan media, bahan, disiplin dan sebagainya. Seperti apa yang telah diperkatakan oleh Joseph Beuys ‘setiap manusia adalah seniman’ dimana sesiapa sahaja boleh menghasilkan sesuatu dan meletakkannya sebagai sebuah karya seni.

Seni cetak konvensional dan alternatif

Seni Cetak konvensional didefinisikan sebagai sebuah karya asli secara rasmi yang telah dibentangkan dan dipersetujui oleh badan yang berautoriti dalam seni cetak ialah dalam satu konferensi ‘*Third International Congress of Plastic Art*’, di Vienna yang telah di bentangkan oleh Gabor Peterdi (1960). Mengikut Lessing J. Rosenwald (1961), beliau telah membuat kesimpulan dari pertemuan tersebut terdapat 5 karakter dalam menentukan sesebuah karya itu cetakan asli ialah hak eksklusif untuk penulisan nombor pada karya seni cetak, mempunyai tandatangan pengkarya, penghapusan blok, dihasilkan sendiri oleh pengkarya dan sesebuah reproduksi boleh diangkat sebagai sebuah karya seni cetak jika kualiti reproduksi yang dihasilkan sangat tinggi mutunya dan dipersetujui oleh penghasilnya untuk menurunkan tandatangan. Secara umumnya seni cetak terbahagi kepada empat teknik utama iaitu, seni cetak timbul, cetak benam, lithografi dan sutera saring. Di Malaysia menurut Rosiah (2019) dalam penulisan beliau ‘Seni cetak masa kini di Malaysia: tinjauan umum menerusi pameran-pameran berkumpulan’, terdapat satu kumpulan seniman cetak muda yang aktif menghasilkan cetakan konvensional yang bertapak di Chetak 17. Antara pameran yang dilakukan oleh mereka adalah ‘*Edition: Etching Print Exhibition*’ (2018) yang memperkenalkan karya cetakan benam secara konvensional. Selain itu, galeri swasta lain yang aktif dalam memartabatkan seni cetakan konvensional adalah galeri Segaris di bawah UiTM Art & Design Sdn Bhd yang cuba mengangkat seni cetak konvensional. Pada 2018, galeri ini telah menganjurkan pameran KLIMEX18 telah mengumpulkan ramai pengkarya seni cetakan dari pelbagai lapisan.

Manakala cetakan alternatif menurut Montada (2011) berdasarkan pasca apa yang diperkatakan oleh Walter Benjamin cetakan kontemporari ini dipecahkan kepada tiga bidang utama dalam seni cetak kontemporari iaitu cetakan hibrid atau cetakan gabungan, cetakan menggunakan teknologi dan cetakan digital yang lebih melihat kepada sebuah cetakan bersifat reproduksi. Donal Saff & Deli Sucilotto (1978) pula menyatakan pada abad 20, penghasilan cetakan akan berubah berdasarkan perkembangan teknologi yang mana akan melibatkan penggunaan media, teknik dan penggunaan teknologi sebagai bahan-bahan dalam penghasilan karya seperti komputer dan fotografi. Safrizal Shahir (2009) menyatakan seni cetak kontemporari atau cetakan alternatif ini merupakan sebuah cetakan yang bersifat kepelbagaiannya media dalam penghasilannya. Penyataan ini merujuk kepada eksplorasi yang berlaku terhadap bahan dan teknik yang dihasilkan bagi mendapatkan produk akhir yang dapat dihasilkan secara pemindahan dari satu permukaan ke permukaan lain. Pada 2018 bertempat di galeri G13, satu pameran yang ditunjangi oleh Juhari Said telah memperkenalkan satu pameran Go Block yang ketiga selepas 2009 di galeri Petronas dan 2011 di Pulau Pinang. Selain beliau pengkarya lain yang terlibat adalah Shahrul Jamili, Samsudin Wahab dan Faizal Suhif.

Manakala menurut Jackie Newell (2018) *monoprint* merupakan sebuah karya yang hasil daripada cetakan konvensional dan dijadikan karya tunggal disebabkan oleh sesuatu penambahan di atas permukaan cetakan seperti warna dan lain-lain. Dalam katalog Jogja Mini Print (2018) juga menyatakan bahawa cetakan *monoprint* ini tidak dikira sebagai sebuah karya yang bersifat konvensional. Penyataan ini dikukuhkan lagi dengan apa yang diperkatakan oleh Danial Gonzalez 2018 (*Printmaking 101 Series: A Guide to Editioning and Signing Fine Art Prints*) bahawa segala edisi yang dihasilkan tetapi terdapat ketidaksamaan dalam menggunakan warna dan kertas dalam penghasilan edisi cetakan dia anggap sebagai sebuah karya cetakan tunggal.

Jadual 1. Ciri-ciri Seni cetak konvensional dan alternatif

	SENI CETAK KONVENSIONAL	CETAKAN ALTERNATIF
TEKNIK (KONSEP)	1- CETAKAN TIMBUL Cetakan Kayu Cetakan Lino <i>Collograph</i> 2- CETAKAN BENAM Dry Point Mezzotint Etching Aquatint 3- CETAKAN SERIGRAFI Stenciling Silkscreen 4- CETAKAN LITHOGRAFI	Meminjam perkataan Konsep Cetakan – selain dari empat teknik utama yang telah dibincangkan. Monotype dan Monoprint Cetakan Digital Cetakan Acuan Cetakan Ukuran Cetakan Media Campuran dan Hibrid Print Laser Cut Cetakan Pyrography Cetakan Emboss Cetakan <i>Reworking</i> Tradisional. Cetakan <i>Transfer image</i> .
PROSES (PRODUK)	1- Penghasilan Design 2- Penghasilan Blok 3- Pemindahan Dakwat Hak Eklusif Penulisan Nombor (Sp, Tp, Edition, Ap) 5- Tandatangan 6- Pemusnahan Plat/ Blok 7- Berbentuk 2-Dimensi	CETAKAN Berbentuk 2 Dimensi dan 3 Dimensi – tanpa melibatkan proses penghasilan blok secara muklak oleh pengkarya, hak ekslusif, tandatangan, dan pemusnahan plat/ blok.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Daripada pemerhatian yang dilakukan terhadap karya pameran Ketumbukan ini, ciri-ciri seni cetakan yang disuntik oleh ideologi era pluralis ialah sebuah karya yang mempunyai keberagaman dari segi teknik, bentuk, media, idea dan sebagainya. Dari segi tema dan persoalan yang digunakan tidak lagi merujuk kepada persoalan peribadi, tetapi sudah melangkaui kepada persoalan seharian pengkarya yang agak komplaks pada waktu kini. Penggunaan bahan-bahan kegunaan seharian dalam penghasilan karya yang digunakan akan memeningkan pemerhati karya seni dalam membezakan karya seni cetak dengan barang seharian.

Jadual 2. Ciri-ciri seni cetak selepas pengaruh ideologi era pluralis

SENI CETAK SELEPAS PENGARUH IDEOLOGI ERA PLURALIS

TEKNIK (KONSEP)	Menggabungkan penggunaan bahan aktiviti harian dalam penghasilan karya cetakan dari segi bentuk, teknik, media, idea dan sebagainya
PROSES (PRODUK)	CETAKAN Berbentuk 2 Dimensi dan 3 Dimensi – tanpa melibatkan proses penghasilan blok secara muklak

Pameran alternatif Ketumbukan

Pameran ini merupakan sebuah pameran cetakan yang bertemakan ‘Ketumbukan’. Pameran ini diberisi oleh lebih 20 orang pengkarya seni cetak dari segenap pelusuk negara. Pameran ini telah dikuratkorkan oleh Safrizal Shahir yang begitu sinonim dengan perkembangan seni cetak Malaysia telah berlangsung di Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah Universiti Sains Malaysia. Pameran ini merupakan sebuah pameran cetakan yang menggabungkan kepelbagaiannya unsur seperti penggunaan ruang, instalasi dan juga penggabungan diantara medium dalam menghasilkan karya. Kepelbagaiannya karya cetakan dari kebiasaan telah menampakkan satu anjakan yang serius dalam memartabatkan seni cetak seiring dengan bidang seni yang lain. Memetik dari penulisan kurator pameran ini Safrizal Shahir (2010) ‘Ketumbukan’ ini mengikut kamus dewan Bahasa dan pustaka membawa maksud kumpulan atau pasukan. Oleh yang demikian, ‘Ketumbukan’ dalam pameran ini merujuk kepada satu pasukan penggiat seni cetak yang akan memperlihatkan kepada satu pameran yang lain dari kebiasaan pameran seni cetak. Menurut Safrizal Shahir lagi ketumbukan ini sesuai ditafsirkan instrik bersifat lanjutan iaitu semangat, sikap dan tindakan yang berani dalam mendefinisikan seni cetak dalam konteks baharu yang terkeluar dari kongkongan seni cetak konvensional. Melihat kepada objektif pameran ini dilakukan ialah ingin memecah tentang definisi atau persoalan yang berkaitan dengan perkataan seni cetak alternatif. Persoalan-persoalan ini akan dijawab oleh para pengkarya dengan mempersempahkan karya mereka diluar dari kebiasaan seni cetakan. Hasil daripada pengamatan yang dilakukan, karya-karya yang disembahkan dalam pameran ini amat menakjubkan dan terdapat sesetengah karya boleh dianggap sesuatu yang bersifat luar biasa dari segala aspek berkaitan seni cetak yang umum ketahui sebelum ini.

Kaedah Kajian

Dalam menghurai tentang karya dalam pameran Ketumbukan ini, penggunaan teori ‘Style’ oleh Mayer Shapiro akan digunakan yang merangkumi kupasan tentang (*constant form*) dengan memfokuskan kepada imej dan tema, (*constant element*) melihat kepada teknik dan tema yang digunakan dan yang terakhir adalah berkaitan dengan (*constant expression*) iaitu kajian yang melibatkan makna atau luahan rasa yang digarapkan dalam karya mereka. Karya yang dikaji adalah *The Monument of The Young Soul, Do Not Disturb, Love U: We Forgive U, Kurung Johor (Lelaki), I Need a Space* dan karya *Pakai Buang*.



Rajah 1. The Monument of The Young Soul, Mixmedia, Virable Dimension

Karya ini merupakan sebuah karya media campuran yang dihasilkan oleh Samsudin Wahab dan Zulhusni Ridzuan yang menggunakan teknik instalasi. Mengikut temubual yang dilakukan dengan beliau di Chetak 12, karya yang dihasilkan oleh mereka dalam pameran ini merupakan satu eksplorasi beliau terhadap pemahaman beliau mengenai sifat ulangan yang terdapat dalam seni cetak. Bagi beliau padi yang ditanam dalam tulisan itu akan berada dalam keadaan sama jika padi tersebut dipotong beberapa kali. Hal ini disebabkan oleh acuan atau blok yang dibina (perkataan MUDA) itu akan menjadikan setiap potongan yang dilakukan akan mengakibatkan kesamaan. Konsep ini yang acuan dan hasil sama ini yang digunakan oleh pengkarya dalam memdefiniskan cetakan alternatif mereka. Penggunaan pokok padi ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan atau kaedah yang digunakan dalam masyarakat seharian digunakan dalam mendefinisikan karya cetakan berbanding penggunaan hasil cetak diatas permukaan kertas atau 2 dimensi.



Rajah 2. Do Not Disturb, Mixmedia, Variable Dimension

Karya ini merupakan sebuah karya Abdul Mansoor Ibrahim yang dihasilkan pada 2010. Karya ini menggunakan teknik campuran bahan *readymade* seperti lesung batu plat dan tombol pintu yang diolah menjadi sebuah karya instalasi hasil daripada peminjaman konsep cetakan terhadap bahan

readymade seperti apa yang dilakukan oleh Marcel Duchamp 2007. Antara teknik cetakan *readymade* yang boleh dilihat dalam karya ini adalah teknik acuan yang boleh lihat pada plat yang berwarna merah dan juga teknik ukuran yang terdapat pada lesung batu. Selain itu, teknik ukuran juga diperlihatkan kepada struktur untuk meletak lesung batu tersebut. Karya *Do Not Disturb* ini menyerupai konsep karya yang dihasilkan oleh Ponirin Amin 1980 iaitu Alibi Catur Pulau Bidong. Karya ini menceritakan tentang kehidupan manusia yang hidup secara kejiranan terutama sekali yang hidup di rumah flat yang selalu mengganggu masyarakat lain dengan aktiviti harian mereka.




Rajah 3. Love Cast U: We Forgive U, Paper, 81 x 109 cm

Karya Chew Teng Beng yang bertajuk '*Love U - We Forgive U*' merupakan sebuah karya yang menggunakan teknik acuan sebagai blok dalam penghasilan karya. Bagi bahantara sebagai cetakan dalam panghasilan karya ini beliau menggunakan *papercast* sebagai medium pemindahan imej dari blok bagi mendapatkan edisi. Karya ini merupakan sebuah karya yang berbentuk 3 dimensi dan tidak mempunyai edisi. Karya ini diklasifikasikan sebagai sebuah karya cetakan alternatif dari segi penghasilan blok mahupun bahan pemindahan imej. Dalam penghasilan karya ini beliau telah menggunakan teknik acuan dalam menghasilkan cetakan beliau. Pada peringkat permulaan penghasilan karya ini beliau haruslah didahului oleh penyediaan acuan terlebih dahulu. Selepas itu beliau akan menghasilkan bahan bagi memindahkan imej dari blok dengan menghancurkan kertas untuk dituangkan ke dalam permukaan acuan tersebut. Jika diikutkan dengan penghasilan acuan ini, beliau boleh menghasilkan edisi yang banyak dalam karya ini seperti seni cetak konvensional.



Rajah 4. Kurung Johor (Lelaki), Cloth, 116 x 65

Karya baju kurung lelaki yang dihasilkan oleh Ishak Ramli ini merupakan sebuah karya alternatif di mana beliau mengambil kira terhadap ukuran bagi mendefinisikan edisi sebuah seni cetak. Menurut beliau ketepatan dalam ukuran boleh menghasilkan edisi yang sama dalam kuantiti yang banyak. Sebelum menghasilkan karya ini pengkarya telah mendefinisikan edisi dalam konteks seni cetak sebagai sebuah bentuk ulangan. Beliau telah menggunakan kain yang dijadikan baju sebagai produk akhir cetakan beliau. Sebelum penghasilan karya akhir ini, beliau terlebih dahulu menghasilkan pola dengan pengiraan terhadap setiap ukuran yang terdapat pada baju kurung lelaki ini. Dengan menggunakan pola tersebut yakni dipanggil blok oleh beliau dan akan diterjemahkan ke atas fabrik sebagai edisi dalam berkarya. Penggunaan bahan harian yang jelas digunakan oleh Ishak Ramli dimana pemahaman konsep boleh dihasilkan secara berulang itu digunakan dalam mendefinisikan karya seni cetakan dalam pameran Ketumbukan ini.



Rajah 5. I Need a Space, Paper, Origami, 63 x 93 cm

Karya bertajuk *I Need a Space* merupakan sebuah karya alternatif dalam seni cetak di mana pengkarya menggunakan teknik ketepatan ukuran sebagai blok dalam penghasilan edisi yang banyak. Karya ini sama seperti apa yang dihasilkan oleh Ishak Ramli dalam menghasilkan karya beliau. Karya seperti ini tidak akan melihat kepada kesamaan edisi yang dihasilkan akan tetapi melihat kepada ukuran yang digunakan. Karya Noriza Arzain merupakan sebuah karya membentuk origami yang dihasilkan melalui lipatan. Menurut beliau karya ini dihasilkan dengan menggunakan teknik ketepatan ukuran sebagai blok dan hasil origami yang sama sebagai edisi yang berhasil daripada ukuran lipatan tersebut. Ekplorasi ini menampakan satu kefahaman pengkarya yang memahami tentang konsep edisi yang dapat dihasilkan secara sama. Secara umumnya, kita mengetahui bahawa origami merupakan satu permainan hasil daripada lipatan yang sering dilakukan oleh kanak-kanak bagi meransang otak mereka.



Rajah 6. Pakai Buang, Ceramics, Variable Dimension

Karya Samsu Muhammad yang bertajuk pakai buang merupakan sebuah karya yang menggunakan teknik acuan seramik yang telah dipamerkan dalam pameran Ketumbukan pada 2010. Karya ini dihasilkan dalam kuantiti yang banyak dan diinstalasikan dalam keadaan tergantung hasil gabungan kepelbagaian cetakan. Dalam penghasilan karya ini pengkarya menggunakan teknik acuan yang digunakan di dalam penghasilan produk seramik sebagai penghasilan karya cetakan beliau. Pada permulaan beliau menghasilkan acuan dengan menggunakan *plaster of paris* terlebih dahulu untuk dijadikan blok. Selepas itu beliau menuangkan tanah liat yang telah dicairkan ke dalam acuan yang dihasilkan sebelum ini. Cairan tanah liat itu akan dibiarkan kering dan dikeluarkan serta di bakar mengikut proses penghasilan karya seramik. Proses acuan ini merupakan satu proses yang digunakan dalam industri dalam menghasilkan sesuatu produk digunapakai dalam menghasilkan karya seni cetakan.

KESIMPULAN

Ideologi era pluralis telah berpengaruh kuat dalam penghasilan karya seni cetakan pada masa kini. Para pengkarya lebih gemar dalam menghasilkan karya yang bebas daripada segala peraturan yang amat menyusahkan mereka dalam menghasilkan karya. Jika dilihat dengan mendalam lagi keaslian dan mencipta sesuatu yang baharu dalam karya seni cetakan tidak lagi diendahkan, malah pengkarya kini lebih menggunakan atau menggabungkan kemodenan teknologi dalam karya. Perkembangan Ideologi era pluralis ini harus dikawal diperangkat pendidikan samada dipendidikan rendah ataupun tinggi agar nilai estetik dan kreativiti dalam menghasilkan karya hilang dengan sikap eksplorasi yang tinggi penghasilan karya. Diperangkat profesional, ideologi era pluralis ini penting bagi merancakkan kegiatan seni agar perkembangan seni kontemporari Malaysia tidak ketinggalan. Oleh yang demikian, ideologi era pluralis dan juga seni cetakan konvensional dan alternatif seharusnya seiring dalam membentuk perkembangan seni cetakan yang harmoni.

RUJUKAN

- Arazzi, A., & Sayahdikumullah, D. (2022). Printmaking Expansion by The Other Form of Presentation, ICON ARCCADE 2021: The 2nd International Conference on Art, Craft, Culture and Design (ICON-ARCCADE 2021)
- Barthes, Roland. (1977). ‘The Death of Author’, dalam, *Image-Music-Text*, Terjemahan, ed, Stephen Healt, New York: Hill and Wang.
- Coldwell, P. (2010). *Printmaking: A Contemporary Perspective*. London: Black Dog Publishing Limited.
- Danial Gonzalez, D. (2018). *Printmaking 101 Series: A Guide to Editioning and Signing Fine Art Prints*. HOM Art Trans. ‘Edition: Etching print exhibition’. Diambil daripada www.homarttrans.com/2018/03/edition.html, pada 3 Mei, 2019.
- Danto, Arthur C. (1999). “Philosopher as Andy Warhol”, dalam Danto, Arthur C., *Philosophizing Art: Selected Essays*, Berkeley dan Los Angeles: University of California.
- Gablik, Suzi, (1988). Has Modernism Failed? London: Thames and Hudson.
- Juhari, S. (2018). Pengenalan. Dlm. Katalog pameran “Go Block - The expanded contemporary printmaking”. 20 October – 3 November 2018. Selangor: Art Valley Sdn Bhd.
- Kuspit, Donald. (2007). *The End of Art*, New York: Cambridge University Press.
- Lyotard, Jean-Francois. (2004). dan *Posmodernisme: Krisis dan Masa Depan Pengetahuan*, Jakarta: Teraju.
- Md Noor, R., & Khairani, M. Z. (2019). Seni cetak masa kini di Malaysia: tinjauan umum menerusi pameran-pameran berkumpulan. KUPAS SENI, 7, 22-30. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol7.3.2019>
- Nelson, Robert S. (2003). ‘Appropriation’, dalam Robert S. Nelson dan Richard Shift, ed.; *Critical Terms for Art History*, Chicago dan London, University of Chicago Press.
- Newell, J. (2018). Monoprinting (Printmaking Handbooks) Publisher: Herbert Press ISBN-10 1912217465
- Noor, R.M., Manan, M.A.A. (2015). *Kuih Putu Mold as a Matrix for Alternative Printmaking: Transformation Toward an Artistic Interpretation*. In: Hassan, O., Abidin, S., Legino, R., Anwar, R., Kamaruzaman, M. (eds) International Colloquium of Art and Design Education Research (i-CADER 2014). Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-287-332-3_23
- Omar, Mohd Adzman (2021) Malaysian alternative printmaking: a study on style (2000 – 2010) / Mohd Adzman Omar. PhD thesis, Universiti Teknologi MARA. Diambil daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/60784/1/60784.pdf>.

The Ideology of Era Pluralist in The Production Artwork: Ketumbukan Alternative Printmaking Exhibition 2010

- Owens, Craig. (1993). "The Allegorical Impulse Towards Theory of Posmodernism", dalam Harrison, Charles dan Wood Paul, *Art in Theory, An Anthology of Changing Ideas*, Cambridge, Massacusssets: Blackwell.
- Peterdi, G. (1980). *Printmaking: Methods Old and New*. New York: Macmillan Pub. Co.
- Safrizal Shahir. (2010). Penang International Print Exhibition (PIPE) 2010: Ketumbukan, SeniCetak Alternative Malaysia. Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, USM.
- Said, J. (2021). Seni cetak – Kerja asasi yang menyimpang arah. Diambil daripada <https://www.malaysianprintmaking.com/post/seni-cetak-kerja-asasi-yang-menyimpang-arah>
- Schapiro, M. (1994). *Theory and Philosophy of Art: Style, Artist, and Society*. New York: George Braziller Inc
- Segaris Art Center. (2018). KLIMEX18. Kuala Lumpur: UiTM Art & Design Sdn Bhd.
- Siti Melorinda Khuzaina Sakdudin. (2018) Seni cetakan sepanjang zaman, Publisher: Muzium dan Galeri Seni, Kuala Lumpur.
- Taylor, Victor E. & Winquist, Charles E. (2001). *Encyclopedia of Posmodernism*, London: Routledge.